



GovMail

dan Sumber Terbuka

satu pandangan dan harapan

Pengenalan

E-Mel merupakan salah satu teras utama dalam perhubungan dan penyampaian perkhidmatan baik di sektor kerajaan mahupun swasta dan ianya merupakan servis perkhidmatan yang paling diguna pakai dalam dunia ICT masakini. Dibawah teras strategik MAMPU - Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam menerusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), ianya merupakan salah satu perkhidmatan yang diletakkan dalam strategi pemerkasaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Dibawah program tindakan bagi mengoptimumkan perkongsian sumber melalui perkhidmatan guna sama (shared services), emel atau lebih dikenali sebagai 1GovMail telah diletakkan sebagai salah satu perkhidmatan sasaran.

Betitik tolak dari perkara tersebut, perkhidmatan gunasama bagi emel iaitu 1GovMail telah dilancarkan dan mula diguna pakai oleh agensi - agensi kerajaan.

1GovMail - Berasaskan Sumber Tertutup (“Proprietary”)

Sebagai solusi penyelesaian, pembida yang telah mencadangkan penyelesaian berasaskan sumber tertutup telah dianugerahkan untuk menyediakan perkhidmatan gunasama 1GovMail. Maka satu migrasi yang ketara dari agensi - agensi kerajaan dari agensi yang sederhana jumlah penggunaannya hingga ke satu kementerian penuh telah beralih dari sumber terbuka, kepada aplikasi berasaskan penyelesaian tertutup (“proprietary”). Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan, yang dahulunya telah dianugerahkan sebagai pemenang bagi kategori "Best Government OSS Application" terhadap aplikasi MOHCube (Groupware) ketika MyGOSSCon 2008 yang turut menyediakan perkhidmatan emel untuk seluruh pengguna Kementerian Kesihatan seramai 100 ribu dengan 30 ribu pengguna aktif, telah beralih kepada 1GovMail.

Sumber Terbuka

Sebelum perbincangan kertas kerja ringkas ini menyusur lebih mendalam lagi, adalah perlu untuk diperjelaskan mengenai hakikat dan kesan disebalik sumber terbuka itu sendiri yang jarang jarang diperdengarkan.

Menjadi kelaziman kefahaman, apabila dikatakan sumber terbuka, yang bermain dalam pemikiran adalah percuma, boleh dimuat turun oleh sesiapa sahaja dan sebagainya yang berkisar sekitar perisian tersebut. Sedangkan hakikat sebenar di sebalik "sumber terbuka" itu sendiri adalah satu "gerakan", yang membentuk satu tatacara kerja yang berbeza, yang membuka minda melalui kolaborasi dan atas dasar yang sama iaitu "Perkongsian". Kerana dengan perkongsianlah bermulanya apa apa gerakan samada dari segi kehidupan atau teknologi.

Gerakan dan Tatacara Kerja

Satu pandangan yang kritis, apabila sepenuhnya menggunakan teknologi yang "proprietary", sebenarnya sebahagian dari inovasi telah mula keluar dari individu atau organisasi itu sendiri. Kerana sifat yang ada dalam gerakan sumber terbuka itu, adalah pemangkin kepada inovasi, dan budaya yang ada pada sumber "proprietary" itu adalah lebih ke arah sebaliknya.

Sebagai contoh, dengan adanya "sumber yang terbuka" itu, sifat ingin tahu, iaitu mengapa dan bagaimana dapat dipenuhi kerana sumber ("source code") yang tersedia ada untuk diterokai, sebaliknya tidak dapat dicapai melalui "sumber yang tertutup". Dan yang lebih besar daripada itu, adalah transformasi tatakkerja yang jauh berbeza, iaitu "Perkongsian", dari segi teknologi, metodologi dan juga pemindahan teknologi tanpa disedari apabila mereka yang berpengalaman dan mahir berkenaan dengan perkara tersebut dari serata dunia tanpa sebarang prejudis, berkongsi pendapat dan pengalaman mereka secara langsung.

Satu paradigma dalam tatacara kerja yang sukar untuk diadakan dalam keadaan menggunakan sumber tertutup yang mana kita lebih banyak dihidangkan daripada menyediakan hidangan.

Negara Maju dan Tenaga Mahir

Satu sifat penting yang ada pada negara maju jika diteliti dengan mendalam, mereka lebih bersifat untuk menyediakan hidangan daripada duduk dan menerima apa sahaja daripada apa yang dihidangkan.

Untuk "berinovasi", tidak dapat tidak, kepakaran atau tenaga mahir yang ramai diperlukan. Tenaga mahir yang bersifat "inovatif" iaitu lebih ke arah penyelidikan dan pembangunan hanya dapat dilahirkan apabila suasana dan tatacara kerja adalah ke arah itu. Jika kita lebih selesa dengan keadaan menerima apa sahaja yang dihidangkan atau dalam kata lain lebih bersifat sebagai "pengguna", maka berkemungkinan kita telah tersasar.

Gerakan dalam sumber terbuka adalah pemangkin bagi Tenaga Mahir, di atas sifat ingin tahu, semangat kolaborasi global serata dunia yang ada merupakan sebahagian sifat semulajadi para penggiat sumber terbuka, membentuk suasana kondusif bagi inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan.

Pemilikan dan Kebergantungan Teknologi

Kebergantungan kepada sumber tertutup, meyebabkan organisasi tidak mempunyai kuasa pilihan. Apa yang dihidangkan terpaksa diterima, penolakan mungkin menyebabkan ketinggalan, dimana dalam era ICT, teknologi bersilih ganti dengan pantas kerana apa yang ada mungkin tidak lagi memberi keberkesanan atau memberikan mutu perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki.

Apa guna jika pembelanjaan yang tinggi terpaksa dikeluarkan jika sekiranya apa yang dilaburkan itu bukan milik kita dan bukan itu sahaja bahkan kita tidak ada kuasa penentu diatas teknologi dan penambah baikkan, hanya bersandarkan harapan bahawa itulah yang akan dilaksanakan atau dihidangkan.

Ancaman dan Keselamatan Negara

Yang menjadi pendorong utama bagi penulisan kertas kerja ringkas ini adalah "Ancaman dan Keselamatan Negara". Dengan semangat nasionalisma dan terpenggil kerana kerisauan, lebih lebih lagi apabila tahun ini kita ditayangkan dengan pendedahan demi pendedahan mengenai projek PRISM, adakah sistem komunikasi asas dan yang terpenting dibawah satu perkhidmatan gunasama 1GovMail tidak terancam dengan isu keselamatan ini?

"PRISM is a clandestine mass electronic surveillance data mining program operated by the United States National Security Agency (NSA) since 2007"

"The leaked documents included 41 PowerPoint slides, four of which were published in news articles. The documents identified several technology companies as participants in the PRISM program, including Microsoft in 2007, Yahoo! in 2008, Google in 2009, Facebook in 2009, Paltalk in 2009, YouTube in 2010, AOL in 2011, Skype in 2011 and Apple in 2012."

Dalam kes keselamatan lain yang kurang mendapat perhatian tetapi pendedahan yang didedahkan sudah cukup untuk merunsingkan apabila bergantungan adalah pada sumber tertutup iaitu kes: HBGary Vs Anonymous.

"On February 5–6, 2011, Anonymous compromised the HBGary website, copied tens of thousands of documents from both HBGary Federal and HBGary, Inc., posted tens of thousands of both companies' emails online, and usurped Barr's Twitter account in apparent revenge. Anonymous also claimed to have wiped Barr's iPad remotely, though this act remains unconfirmed. The Anonymous group responsible for these attacks would go on to become LulzSec."

"The dossier of recently exposed emails revealed HBGary Inc. was working on the development of a new type of Windowsrootkit, code named Magenta, that would be "undetectable" and "almost impossible to remove."

"In October 2010, Greg Hogle proposed to Barr creating "a large set of unlicensed Windows 7 themes for video games and movies appropriate for middle east & asia" (sic) which "would contain back doors" as part of an ongoing campaign to attack support for Wikileaks."

Isu keselamatan dan ancaman berserta denganya bukanlah satu perkara untuk di pertaruhkan. Kepentingan negara tidak harus dipandang remeh. Memang benar kita harus bersifat 'neutral' dalam banyak perkara, namun untuk isu seperti keselamatan negara kita harus 'bias' kepada teknologi yang dapat menyelamatkan kita dari penjajahan teknologi. Dengan pergantungan sepeuhinya kepada sistem tertutup, kita seolah berada ditebing yang curam, terdedah kepada perkara yang kita tidak sangkakan.

Pandangan dan Harapan

Secara umumnya, ini adalah pandangan kami. 1GovMail adalah hanya sebahagian kecil daripada isu yang diperkatakan. Harapan kami agar perkara ini dapat dipertimbangkan sepenuhnya. Merdekakan lah teknologi supaya kita yang menguasai daripada dikuasai. Sumber Terbuka sememangnya bukan milik kita, tetapi melaluinya kita mempunyai pemilikan untuk kita tentukan jalur perjalanan kita. Melalui sumber terbuka juga merupakan jalan pintas untuk kita wujudkan tenaga mahir dengan teknologi yang kita kehendaki sebagaimana wawasan menuju kearah negara maju.

Cadangan Alternatif Permulaan

Sebenarnya kita mempunyai ramai tenaga mahir, yang sebahagian mereka bertarah dunia, namun mereka ini perlu diketengahkan. Oleh itu, kami sangat optimis, jika diberikan peluang, untuk kami buktikan dan bina, satu sistem yang berasaskan sumber terbuka, sebagai jalan penyelesaian sama bagi 1GovMail yang sedia ada.